

# Kekal caruman KWSP tidak jejas pakej rangsangan fiskal

UM 18 APR 2001

Oleh FAUZI JAAFAR .

KUALA LUMPUR 17 April — Penasihat Ekonomi Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed percaya pilihan yang diberikan kepada pekerja untuk mengekalkan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tidak menjejaskan pakej rangsangan fiskal yang diumumkan baru-baru ini.

“Apa yang kita harapkan ialah perbelanjaan meningkat, rakyat ada wang... kalau tidak sokong (berbelanja) ia adalah langkah yang kurang baik,” kata beliau

“Kerajaan begitu peka kepada pekerja-pekerja di Malaysia,” kata beliau pada sidang akhbar di majlis pelancaran perkhidmatan aplikasi tanpa wayar (WAP) dan laman web Affin-Uob Securities Sdn. Bhd., di sini, hari ini.

Katanya lagi, kerajaan memberi kebebasan kepada pekerja, tetapi di dalam meningkatkan perbelanjaan, adalah lebih baik caruman dikurangkan kepada sembilan peratus.

Tambah beliau, kerajaan memahami dan faham ada di antara pekerja yang tidak bersetuju caruman dikurangkan dan kerajaan mendengar segala masalah daripada mereka.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan hari ini mengenai pekerja kini diberi pilihan untuk mengekalkan caruman kepada KWSP sebanyak 11 peratus atau sembilan peratus.

Pada 27 Mac lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan beberapa pakej rangsangan fiskal yang di antaranya mengu-

rangkan caruman KWSP untuk kakitangan sebanyak dua peratus daripada 11 peratus sebelum ini.

Langkah itu bertujuan untuk menggalakkan perbelanjaan bagi mengurangi kesan kegawatan ekonomi Amerika yang mampu menjejaskan ekonomi Malaysia.

## Unjuran

Diminta mengulas mengenai unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) yang lebih rendah daripada unjuran kerajaan, Mustapa ber-

kata, “setiap pihak mempunyai pandangan masing-masing.”

Tetapi katanya, kerajaan tetap mengekalkan unjuran lima hingga enam peratus KDNK berdasarkan pembangunan semasa ekonomi Malaysia.

MIER membuat unjuran KDNK sebanyak empat peratus pada tahun ini.

Mustapa juga turut ditanya mengenai peruntukan tambahan sebanyak RM3 bilion di dalam pakej rangsangan fiskal yang akan meningkatkan defisit perbelanjaan negara.

“Tetapi, defisit yang meningkat tidak signifikan,

ia masih rendah dan boleh diuruskan,” katanya lagi.

Menurut beliau, kerajaan mempunyai banyak pilihan untuk mengatasi defisit kerana pinjaman luar negara masih rendah dan tabungan dalam negara masih tinggi dan ini membuktikan kerajaan masih tidak perlu membuat pinjaman luar.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengerusi Affin-Uob Securities Sdn Bhd., Jeneral (B) Datuk Ismail Hassan dan Pengarah Urusannya, Toh Puan Siti Norizam Mohd Yusoff.